# Isu dan Cabaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Sekolah

**Pn Lok Yim Pheng**
**NUTP**

# Objektif KKP Di Sekolah

- *Memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan mereka yang bekerja iaitu para guru dan kakitangan sekolah*
- *Melindungi orang lain iaitu para pelajar daripada aktiviti mereka yang bekerja (guru dan kakitangan sekolah)*
- *Mengadakan persekitaran kerja (pejabat, makmal, bilik darjah, kantin, tandas, asrama, padang dll) yang bersesuaian dengan kehendak psikologi dan fisiologi mereka yang bekerja (guru, kakitangan dan para pelejar)*
- *Mewujudkan persekitaran yang sihat, selamat dan menyeronokan dengan mengurangkan amalan dan keadaan yang kurang selamat*
- *Tingkat kefahaman mengenai KKP (OSH) kepada guru dan bukan guru*
- *Meningkatkan tahap kesedaran KKP dikalangan pihak terlibat termasuk; Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), pengurusan sekolah, kakitangan dan guru-guru yang telibat*
- *Mengenalpasti hazad dan risiko yang berkaitan*

# Isu dan Cabaran KKP Di Sekolah

- *Berlaku kemalangan-kemalangan yang mengakibatkan kematian dan kecederaan ke atas pelajar-pelajar dan juga guru-guru di sekolah semasa aktiviti kokurikulum dan juga semasa berada di dalam kawasan sekolah.*
- *Kemalangan yang berlaku adalah disebabkan kurang kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) oleh pihak yang terlibat*
- *KKP merupakan bukan keutamaan/KPI sekolah. Keutamaan adalah kepada kejayaan akademik.*
- *Kekangan/Tiada peruntukan spesifik untuk melaksanakan aktiviti KKP*
- *Pihak sekolah juga kurang pendedahan berkaitan KKP*

# Beberapa Kes Kemalangan Yang Berlaku Di Sekolah

- *Pelajar cedera parah akibat letupan (Berita Harian 20/10/1999)*
- *Murid cedera ditimpa kipas (Utusan Malaysia 18/6/2003)*
- *Pelajar cedera jatuh bangunan (7/8/2003)*
- *19 orang pelajar cedera akibat paip gas makmal di sekolah meletup (Utusan Malaysia 2/7/2004)*
- *Sejumlah murid dilanggar oleh kereta dalam kawasan sekolah di Kepala Batas, P. Pinang.*
- *Guru mati terjatuh akibat terpijak lantai reput (Utusan Malaysia 12/09/2005)*
- *Murid mati ditimpa tiang gol.*

# KERATAN AKHBAR KEMALANGAN DI KAWASAN SEKOLAH DAN SEMASA AKTIVITI KOKURIKULUM

# Gas bocor: Guru, murid sesak nafas

KOSMO 20/5/09 8

SHAH ALAM - Seramai 20 murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Ladang Emrald, Bukit Kemuning di sini pengsan akibat sesak nafas ekoran Stesen Pengagihan Gas yang terletak kira-kira 500 meter dari sekolah itu bocor semalam.

Dalam kejadian pada pukul 11 pagi, murid yang pengsan dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang dan Poliklinik Komuniti Shah Alam.

Selain murid yang pengsan, 50 lagi murid sekolah itu bersama tiga guru turut dihantar mendapat rawatan di hospital selepas mereka mengadu sesak nafas teruk, pening, muntah dan sakit tekak.

Bagaimanapun, kesemua murid dan guru itu telah dibenarkan pulang selepas diberi rawatan.

Guru Besar sekolah tersebut, K. Chethraselvan berkata, semasa kejadian beliau tidak ada di sekolah kerana berkursus di Shah Alam.

"Saya yang pergi ke HTAR dan Poliklinik Komuniti terkejut melihat ramai murid sedang dirawat," kata beliau ketika ditemui di sini semalam.

Menurut beliau, kejadian tersebut merupakan kes pertama berlaku sejak sekolah itu dibuka dua tahun lalu.

Tambahnya, sekolah tersebut dibuka seperti biasa hari ini.

Sementara itu, seorang murid tahun dua, T. Hemalatha berkata, dia tiba-tiba rasa pening, sakit tekak dan muntah sebelum pengsan di dalam kelas setelah terhidu bau gas yang terlalu busuk.

"Sedar-sedar saya berada di hospital dan keadaan saya baik," kata Hemalatha.

Seorang lagi mangsa, S. Gunalan berkata, keadaan sekolahnya kelam kabut apabila secara tiba-tiba ramai pelajar menjerit dan muntah-muntah.

"Selepas itu saya sendiri pening dan loya," katanya.

Pengarah Bomba dan Penyelamat Selangor, Salmon Jahid berkata, kebocoran gas jenis *ethyl* mercaptan berpunca daripada kerja-kerja penyelenggaraan yang dilakukan oleh kontraktor di stesen tersebut.

Menurut beliau, gas tersebut digunakan untuk menguji kebocoran saluran gas di stesen tersebut yang membekalkan bekalan gas kepada industri di sekitar Shah Alam.

"Semasa gas itu bocor, angin bertiup ke arah sekolah terbabit mengakibatkan murid dan kakitangan sekolah mengadu sesak nafas dan mengalami masalah kesihatan," kata beliau.



ANGGOTA bomba melakukan pembersihan dan membaiki sistem saluran paip gas yang bocor di Bukit Kemuning, Shah Alam semalam.

# Bumbung dewan sekolah runtuh



BERTABURAN: Keadaan berselerakan di Dewan Besar SMK Wakaf Tapai selepas bumbung runtuh, semalam.

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin

MARANG: Bumbung Dewan Besar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Wakaf Tapai di sini yang dibina tiga tahun lalu, runtuh tiba-tiba kira-kira jam 8.30 malam kelmarin walaupun ketika itu tidak ada hujan atau angin kuat.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Razali Ismail, berkata dewan yang mampu menampung kira-kira 500 pelajar pada satu-satu masa itu dipercayai roboh akibat kekuda-kekuda yang menampung bahagian bumbung itu tidak kukuh.

Dewan dan sekolah berkenaan yang memiliki 21 kelas dengan 547 pelajar siap pembinaannya dan mula dibuka pada 2005.

Berikutan kejadian itu, Razali mengarahkan pegawai pembangunan kementerian itu bekerjasama dengan jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) daerah menyiasat punca kejadian dan memantau struktur bangunan lain sekolah berkenaan bagi memastikannya selamat.

"Saya tidak dapat bayangkan jika ada pelajar menjalankan aktiviti di dewan ketika kejadian itu berlaku kerana keseluruhan struktur bumbung runtuh.

"Ini kejadian luar biasa dan satu perkara yang perlu diambil perhatian oleh kontraktor serta perunding. Saya berharap bangunan sekolah lain terutama dewan yang

LIHAT MUKA 2



LAPANG: Keadaan Dewan SMK Wakaf Tapai selepas bumbungnya runtuh.

BH 11/2/2010 pg SENTRAL 2

# Bimbang keselamatan anak projek tiada ciri keselamatan



KEADAAN tapak pembinaan blok bangunan baru yang tidak mementingkan faktor keselamatan di Sekolah Kebangsaan Sungai Ramal.

BANDAR BARU BANGI: Ibu bapa pelajar di Sekolah Kebangsaan Sungai Ramal di sini bimbang mengenai tahap keselamatan anak kerana projek pembinaan bangunan tiga tingkat di sekolah itu tidak mengutamakan ciri keselamatan.

Tinjauan *Sentral* mendapati pagar zink pembahagi yang rosak tidak diselenggara hingga membahayakan keselamatan pelajar yang mendekati kawasan pembinaan itu.

Lebih membimbangkan, tiada laluan berbumbung dibina bagi menghadang kemungkinan bahan binaan terjatuh dari tingkat atas yang boleh mencederakan pelajar yang berada di laluan itu.

Ibu kepada tiga pelajar di sekolah itu, Rozita Jamal, 47, berkata keadaan yang wujud boleh menyebabkan kemalangan berikutan ciri keselamatan projek pembinaan itu tidak terkawal.

"Lori pembinaan pula keluar masuk pada sesi persekolahan, sedangkan jadual khas sepatutnya dibuat bagi mengelak ia bertembung dengan pelajar sekolah yang berulang-alik di situ.

"Sebenarnya, projek pembinaan itu dikategorikan sebagai projek sakit kerana ia dijadualkan siap Disember tahun lalu, tetapi sehingga kini kerja pembinaan masih dijalankan dengan perlahan," katanya.

Rakannya, Kamariah Senafi, 44, berkata kontraktor dilantik juga perlu mengutamakan aspek keselamatan kerana pekerjanya di kalangan warga asing tidak memakai alatan keselamatan sepatutnya seperti topi keledar dan jaket keselamatan.

Selain itu, beliau berkata, kontraktor perlu mengambil iktibar kejadian yang berlaku sekitar September tahun lalu apabila satu lori pasir terbalik di hadapan sekolah hingga menyukarkan pergerakan trafik di situ.

"Walaupun tiada kemalangan jiwa berlaku kepada pelajar ketika itu, tetapi tidak mustahil kejadian sama berulang jika tiada pemantauan dilakukan.

"Kelewatan projek itu disiapkan menyebabkan wujud masalah habuk dan pasir yang menjejaskan kesihatan pelajar termasuk anak saya yang menghidap penyakit asma," katanya.

Sementara itu, seorang bapa, Shawal Taib, 42, berkata dia terkejut ketika menghantar anaknya mendaftar sesi persekolahan tahun satu kerana tiada kawalan ketat diambil seperti menanda kawasan larangan memasuki kawasan projek itu bagi mengelak pelajar berada di situ.



BILIK ini yang asalnya menjadi bilik guru SMK Jalan Bukit Kajang kini tinggal sisa.

KIRI: Inilah blok bangunan SMS Jalan Bukit Kajang yang musnah dalam kebakaran semalam.

## Satu blok bangunan sekolah hangus

Kosmo 13/6/09 2

# Guru kena menumpang

Oleh NURUL IZZA ROSLY

KUALA LUMPUR – Seramai 127 orang guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Bukit, Kajang terpaksa menyambung sesi persekolahan mulai Isnin ini tanpa bilik mereka apabila satu blok bangunan sekolah itu musnah dalam kebakaran pagi semalam.

Bangunan dua tingkat itu menempatkan bilik guru di bawah manakala tingkat atas dijadikan perpustakaan, bilik peperiksaan dan bilik kaunseling.

Kebakaran pada pukul 5.35 pagi itu turut memusnahkan banyak dokumen milik guru seperti buku rekod serta slip keputusan peperiksaan para pelajar.

Pegawai Bomba Kanan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Kajang, Noor Ahmad Mohd. Sarif berkata, kebakaran itu dapat dikawal kira-kira pukul 5.50 pagi.

"Tiada kecederaan dilaporkan tetapi hampir 95 peratus struktur bangunan dan harta benda dalam blok itu musnah," katanya dengan menambah, siasatan punca kejadian masih dijalankan.

Sementara itu, Pengarah Pelajaran Selangor, Dr. Zahri Aziz ketika dihubungi memberitahu, kejadian itu menyebabkan guru-guru sekolah tersebut terpaksa menggunakan sementara bilik-bilik lain di luar waktu mengajar.

Tambahnya, pihak sekolah boleh mendapatkan salinan slip keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang hangus daripada Jabatan Pelajaran Selangor.

Dr. Zahri berkata, pihaknya akan berusaha mendapatkan kabin sebesar empat bilik darjah untuk dijadikan bilik guru sementara.

"Ia mungkin mengambil masa sebulan. Kabin tersebut turut dilengkapi perabot seperti kerusi dan meja untuk guru," jelasnya.






# Kaji segala risiko sebelum laksana kegiatan murid



Main

‹ Sebelum Selepas ›

# Maut ditimpa tiang gol

>"Beberapa hari lalu dia beritahu dapat nombor dua dalam peperiksaan tahunan," kata Shahizan Mohd Said, 29, mengenal anak saudaranya, Mohd Khairi Iskandar Onzek, 8, (gambar) yang meninggal dunia pagi semalam selepas cedera di kepalanya akibat ditimpa tiang gol di sekolahnya, Isnin lalu.

## Tiang gol ragut nyawa






KULANZ SALLEH
kulanzsalleh.com








PHORN Thi Pha meratapi kematian anaknya selepas dihentam takal besi (gambar kecil) ketika mengadakan latihan flying fox.

# KKP DI SEKOLAH AGENDA PENTING

## AKTIVITI DAN PROGRAM SEKOLAH


PEJABAT


BENGKEL


PENDAWAIAN



MAKMAL


PADANG

# KESELAMATAN DI PEJABAT

Pengetua, kakitangan, guru dan pelajar yang berada di dalam pejabat perlu:

- Sentiasa pastikan laci fail tertutup apabila tidak digunakan;
- Memastikan kerusi tidak condong semasa duduk;
- Memerhatikan langkah dan tidak membaca semasa berjalan;
- Memastikan tidak berdiri di atas meja atau kerusi untuk mengambil sesuatu di tempat yang tinggi;
- Memastikan sebarang objek tidak diletakkan di dalam mesin taip atau mesin fotokopi semasa ianya digunakan;
- Memastikan suis mesin dimatikan sebelum proses memperbaiki dan melaraskannya.

# KESELAMATAN DI MAKMAL

Untuk menjamin persekitaran makmal yang selamat, semua pihak yang menggunakan makmal seharusnya :

- Mengurangkan risiko kesihatan akibat pendedahan kepada bahan kimia serta mengelakkan kemalangan atau kecederaa berlaku;
- Jumlah pelajar di dalam makmal hendaklah sesuai dengan kapasiti makmal;
- Menjangka & mengenalpasti hazard dan risiko makmal;
- Pengawasan agar pelajar mengikut arahan yang diberikan dan tidak ditinggalkan bekerja bersendirian tanpa sebarang pengawasan;
- Pastikan setIap bahan kimia disimpan dalam jumlah terkawal atau diasingkan mengikut garis panduan keselamatan;
- Pastikan penggunaan peralatan/ pakaian perlindungan diri yang sesuai;
- Pastikan makmal sentiasa tersusun rapi dan mempunyai ruang selesa untuk bergerak;
- Pastikan tiada halangan di semua jalan keluar makmal;
- Makanan dan minuman dilarang didalam makmal.

# KESELAMATAN DI BENGKEL

- Murid mestilah mendapat kebenaran sebelum menggunakan bengkel;
- Tidak dibenarkan melakukan kerja-kerja bengkel tanpa pengawasan guru bertugas;
- Laporkan kepada guru jika peralatan yang digunakan tidak berfungsi dan tiada dalam simpanan seperti yang dipamerkan;
- Penggunaan sebarang peralatan mestilah mengikut prosedur dan tunjuk ajar guru;
- Memastikan tangan dibersihkan selepas aktiviti dijalankan;
- Dilarang bermain, berlari, membuat bising atau berkelakuan tidak senonoh di dalam bengkel;
- Guru hendaklah memastikan bahan buangan atau lebihan dibuang atau disimpan dengan cara yang betul.

# KESELAMATAN DI PADANG SEKOLAH

- Sebelum mulakan aktiviti, laporkan taraf kesihatan terkini kepada guru seperti asma, lelah, demam dsb.;
- Memakai pakaian/kasut sesuai sewaktu aktiviti dijalankan;
- Beratur di tapak perhimpunan dan bergerak dengan teratur ke kawasan padang sukan setelah diberi arahan guru;
- Pastikan kawasan padang selesa dan selamat, tiada objek merbahaya di atas padang.

# KESELAMATAN PENDAWAIAN DAN PERALATAN ELEKTRIK

Langkah keselamatan yang perlu diambil jika berlaku kemalangan:

- Laporkan dengan segera kepada guru atau pentadbir sekolah;
- Jangan ubahsuai peralatan elektrik yang rosak;
- Maklumkan dan labelkan kawasan pendawaian sebagai kawasan larangan sementara;
- Pemeriksaan pendawaian elektrik berkala perlu dilakukan setaip 10 tahun oleh pihak pentadbir;
- Setiap laporan dan tindakan hendaklah direkodkan semula

# KESIMPULAN

- Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) bukanlah satu pembaziran tetapi merupakan pelaburan untuk mempertingkatkan kualiti;

- Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di sekolah dapat melindungi nyawa guru, kakitangan sekolah dan pelajar serta mengurangkan kes kemalangan berpunca daripada kelalaian manusia;

- Program Kempen Kesedaran KKP di Sekolah dapat melahirkan para pekerja masa hadapan yang peka akan keselamatan dan kesihatan dan juga secara tidak langsung dapat menurunkan kadar kemalangan pada masa akan datang bukan sahaja di industri pekerjaan tetapi juga kemalangan jalanraya.

# KERATAN AKHBAR

NASIONAL

## Tiang gol karat ragut nyawa budak

2014/04/10 - 06:21:36 AM Oleh Shaiffulazhar Misri | Emel Kawan | Cetak

Like 1 | Tweet 0 | g+1 1



*Ahmad Iqbal (dua dari kiri) melihat tiang gol yang menghempap adiknya, Ahmad Ilham (gambar kecil) ketika bermain di di Taman Seri Wangsa Batu Pahat.*

Batu Pahat: Seorang murid Tahun Dua maut selepas dihempap tiang gol besi ketika bermain di padang permainan Taman Sri Wangsa, Jalan Parit Besar di sini, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira 6.30 petang itu, Ahmad Ilham Fikri Ahmad Zaki, 8, meninggal di tempat kejadian akibat parah di kepala berikutan hentakan kuat.

Bapanya, Ahmad Zaki Mohd Abu Khairi, 36, berkata anaknya itu leka bermain berhampiran tiang gol bersama rakan.

# KERATAN AKHBAR






ARKIB : 14/07/2013

## Mati di padang bola




Inilah tiang gol yang menghempap kepala Nguyen Chee Ming di Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Mahadi, Klang Jaya, Selangor, kelmarin.

KLANG 13 Julai - Seorang pelajar lelaki tingkatan dua maut selepas ditimpa tiang gol besi di padang Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Mahadi, Klang Jaya di sini semalam.

Kejadian berlaku kira-kira pukul 5.30 petang ketika mangsa, Nguyen Chee Ming, 14, mengikuti Pendidikan Jasmani bersama rakan sekelasnya.

# KERATAN AKHBAR

Utusan ONLINE
VERSI : Mobile | Akhbar Digital

ARKIB : 07/05/2014

## Gempar kimia tertumpah di sekolah

PETALING JAYA 6 Mei - Peperiksaan bulanan bagi pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Perempuan Sri Aman di Seksyen 14 di sini hari ini terpaksa ditangguhkan selepas berlaku tumpahan bahan kimia di kelas mereka yang juga merupakan sebuah makmal sains.

Difahamkan, kejadian itu hanya disedari pelajar berkenaan selepas mereka terhidu bau bahan kimia jenis sulfur cloride itu kira-kira pukul 11 pagi.

Menurut seorang pelajar yang enggan dikenali, dia dan semua rakan sekelasnya terpaksa keluar dari kelas berkenaan kerana bau bahan kimia itu terlalu kuat dan dikhuatiri mengganggu kesihatan mereka.

Pada awalnya kami tidak mengesyaki sesuatu yang buruk sehinggalah salah seorang rakan membuat pemeriksaan di makmal yang terletak bersebelahan kelas dan mendapati berlaku kebocoran bahan kimia.

Sebelum bau itu merebak, kami juga terdengar bunyi kaca pecah namun tidak menyangka terdapat bahan kimia yang tertumpah," katanya ketika ditemui pemberita di sini, hari ini.

Sekian, terima kasih….